



جابتن اكام اسلام فتح

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) COVID-19
DI NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**

1. PENDAHULUAN :

Solat Jumaat adalah fardhu ain ke atas setiap mukallaf iaitu orang yang telah dipertanggungjawabkan dengan syara' di sisi mazhab Syafie' melainkan adanya keuzuran atau i'llah yang dibenarkan oleh syara' untuk melaksanakan kefardhuan tersebut. Adalah menjadi tanggungjawab setiap masjid berusaha bagi membolehkan ahli kariahnya supaya dapat mendirikan solat Jumaat.

2. TUJUAN :

Garis Panduan Pelaksanaan Solat Jumaat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) COVID-19 ini disediakan adalah sebagai panduan masyarakat untuk menunaikan ibadah tersebut di masjid dalam tempoh PKPP akibat penularan COVID-19.

3. OBJEKTIF :

- 3.1 Mewujudkan penyelarasan dengan memastikan pelaksanaan tugas mengikut ketetapan yang ditentukan oleh pihak berkuasa.
- 3.2 Menguruskan masyarakat agar mematuhi arahan PKPP COVID-19 bagi menunaikan solat Jumaat.
- 3.3 Memastikan tiada jangkitan kluster atau penyebaran wabak di kalangan ahli jemaah.

4. TEMPAT DAN KAEDAH PELAKSANAAN :

- 4.1 Solat Jumaat dilaksanakan di Masjid Negeri, Masjid-Masjid Daerah, Masjid-Masjid Kariah dan Surau Kebenaran Jumaat.
- 4.2 Dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dengan pelaksanaannya ditentukan oleh pihak Jabatan Agama Islam Pahang.

5. BILANGAN JEMAAH :

Perlaksanaan solat Jumaat dengan bilangan wajib Jumaat seramai **40 orang atau lebih** sebagaimana pegangan Qaul Muktamad Mazhab Syafie di negeri Pahang.

6. PANDUAN SOLAT JUMAAT DALAM TEMPOH PKPP

Selaras dengan ketetapan kerajaan dalam pelaksanaan PKPP dan dengan meraikan nasihat keselamatan dan kesihatan yang diberikan oleh MKN dan KKM, dan juga cadangan serta hasrat masyarakat untuk menunaikan solat Jumaat, berikut merupakan Garis Panduan Pelaksanaan Solat Jumaat Sepanjang Tempoh PKPP.

6.1 TANGGUNJAWAB PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH

- 6.1.1 Mendapatkan maklumat kawasan/kariah yang diisytiharkan kawasan ada jangkitan Covid-19 daripada Pejabat Kesihatan Daerah dan mengarahkan solat Jumaat tidak boleh dilaksanakan.
- 6.1.2 Memastikan semua masjid mendapatkan kebenaran terlebih dahulu untuk laksana solat Jumaat setelah penilaian fasiliti dibuat.

6.2 TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN/PENTADBIR MASJID

- 6.2.1 Memastikan hanya warganegara Malaysia berumur 12 tahun ke atas yang sihat sahaja dibenarkan.
- 6.2.2 Masjid perlu menyediakan alat penyaring suhu badan (*infrared thermometer*) untuk menentukan suhu badan jemaah yang hadir solat Jumaat tidak melebihi dari 37.5 °C.
- 6.2.3 Masjid perlu memastikan semua jemaah yang hadir memakai pelitup hidung dan mulut (*face mask*).
- 6.2.4 Disediakan tanda pandu arah masuk dan keluar.
- 6.2.5 Pihak masjid perlu menyediakan tanda sempadan masjid bagi masjid-masjid yang tidak mempunyai pagar masjid.
- 6.2.6 Masjid telah dilaksanakan aktiviti nyahkuman.
- 6.2.7 Jemaah mendaftar melalui sistem yang ditentukan oleh pihak masjid sebagai rekod.
- 6.2.8 Saf solat Jumaat disusun berdasarkan jarak penjarakan sosial iaitu satu (1) meter yang telah dibuat penandaan terlebih dahulu.

- 6.2.9 Taklimat kesihatan dan keselamatan kepada jemaah dilaksanakan sebelum dan selepas solat Jumaat.
- 6.2.10 Ahli kariah yang tersenarai sebagai PUI dan PUS COVID-19 sama sekali tidak dibenarkan hadir.
- 6.2.11 Semua jemaah yang hadir dibuat saringan suhu badan menggunakan *infrared thermometer* sebelum memasuki masjid.
- 6.2.12 Anggaran jemaah berdasarkan saf penjarakan sosial.
- 6.2.13 Memastikan hanya anak kariah tersebut sahaja dibenarkan menunaikan solat Jumaat bagi masjid-masjid kariah.
- 6.2.14 Pintu pagar masjid dibuka hanya dua iaitu satu ketika masuk dan satu ketika keluar dan ada pengawal keselamatan ditempatkan yang ditentukan oleh pentadbir masjid.
- 6.2.15 Pintu pagar masjid dibuka 1 jam sebelum masuk waktu solat Jumaat.
- 6.2.16 Ruang yang bertanda sahaja dibuka khas untuk bersolat manakala ruangan lain perlu ditutup.
- 6.2.17 Koridor masjid yang telah ditanda boleh digunakan sebagai ruang solat tambahan
- 6.2.18 Penggunaan kanopi sebagai ruang tambahan untuk bersolat dibenarkan dan perlu dibuat saf penandaan.
- 6.2.19 Menyediakan tempat wudu' dan tandas yang ditentukan oleh pihak masjid. Penggunaan kolah adalah tidak dibenarkan.
- 6.2.20 Semua pintu pagar dan masjid dikunci semasa solat dan sebelum meninggalkan masjid.
- 6.2.21 Jemaah dipastikan bersurai dalam keadaan tenang.
- 6.2.22 Jemaah dipastikan tidak berpusu-pusu di pintu ketika keluar dan dilarang mengadakan perkumpulan kecil.
- 6.2.23 Semua pintu pagar dan masjid dikunci sebelum meninggalkan masjid.

6.3 TANGGUNGJAWAB JEMAAH

- 6.3.1 Hanya ahli kariah warga negara Malaysia yang berumur 12 tahun ke atas yang benar-benar sihat dibenarkan hadir.

- 6.3.2 Telah mendaftar melalui sistem yang ditentukan oleh pihak masjid sebagai rekod kehadiran.
- 6.3.3 Memastikan setiap Individu yang hadir adalah mereka yang benar-benar sihat dan bebas dari simptom Covid-19 seperti demam, batuk, selesema, alahan dan sebagainya.
- 6.3.4 Individu dari zon merah dan kuning tidak digalakkan hadir.
- 6.3.5 Memastikan setiap individu membawa sejadah sendiri dari rumah.
- 6.3.6 Hendaklah hadir dalam tempoh **1 jam** sebelum azan dilaungkan kerana pintu pagar dan pintu masjid akan dikunci selepas masa ditetapkan.
- 6.3.7 Hadir ke masjid di dalam kariahnya sahaja melainkan masjid Negeri dan masjid-masjid Daerah.
- 6.3.8 Memastikan datang ke masjid dalam keadaan berwudu'.
- 6.3.9 Memastikan amalan bersalaman dan bersentuhan tidak dilakukan.
- 6.3.10 Memastikan terus berada di dalam saf solat yang telah ditandakan dan perlu mematuhi penjarakan sosial iaitu satu (1) meter antara jemaah.
- 6.3.11 Kekal dalam penjarakan semasa pergerakan masuk dan keluar saf.
- 6.3.12 Amalan berselawat selepas solat boleh dilaksanakan tetapi tindakan bersalaman tidak dibenarkan.
- 6.3.13 Meninggalkan ruangan solat dengan membawa sejadah dan keluar dengan teratur iaitu saf demi saf dengan arahan daripada imam bertugas bagi mengelakkan sentuhan dan terus meninggalkan masjid.
- 6.3.14 Jemaah akan keluar mengikut arahan imam bertugas.

6.4 TANGGUNGJAWAB BILAL DAN KHATIB

- 6.4.1 Azan pertama dilaungkan. Ahli jemaah boleh menunaikan solat sunat qabliah selepas azan.
- 6.4.2 Khatib naik mimbar dan memberi salam dan azan kedua terus dilaungkan seperti amalan biasa.
- 6.4.3 Khatib membaca khutbah yang disediakan oleh Jabatan Mufti Negeri Pahang (boleh dimuat turun di laman sesawang <http://mufti.pahang.gov.my>).

6.5 TANGGUNGJAWAB IMAM

6.5.1 Imam membaca surah atau ayat yang pendek dan membaca qunut nazilah.

6.5.2 Imam memberi salam, wirid dan doa yang ringkas.

7. TABUNG MASJID

Penggunaan tabung derma bergerak di dalam masjid adalah tidak dibenarkan. Bagi jemaah yang ingin menderma hendaklah menggunakan tabung derma yang ditentukan oleh pihak masjid.

8. PENUTUP

Semoga garis panduan ini dipatuhi oleh semua Pegawai dan AJK Masjid serta dalam makluman dan tindakan semua Pengerusi Masjid dan Surau di Negeri Pahang. Pihak masjid dan surau adalah bertanggungjawab sepenuhnya kepada sebarang pelanggaran kepada arahan dan tatacara yang dikeluarkan ini.

Pengarah

Jabatan Agama Islam Pahang